

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2014

1. PENDAHULUAN

Tahun 2014 menyaksikan pelancaran Pelan Strategik UPM 2014-2020 yang telah meletakkan aspirasi Putra Global 200 (PG200) sebagai sasaran keberhasilan utama UPM. Pelan Strategik ini telah menzahirkan tiga fasa dalam pembentukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, iaitu fasa pertama bermula pada 2014-2015, fasa kedua 2016-2018 dan fasa ketiga 2019-2020. Selari dengan penetapan fasa tersebut, tahun 2014 merupakan fasa pertama yang mempunyai 39 KPI hasil kombinasi petunjuk prestasi Pelan Strategik UPM 2014-2020, KPI Kementerian Pendidikan Malaysia dan KPI yang dibentuk daripada indikator *QS University Ranking*. Selain 39 KPI yang menyokong PG200, UPM juga mempunyai 35 KPI yang digerakkan di bawah Agenda Projek Kritikal (CAPs), Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) di bawah pemantauan Pejabat Pengurusan Projek Institusi (IPMO).

2. INISIATIF

Pencapaian cemerlang KPI UPM pada tahun 2013 merupakan hasil kejayaan inisiatif Pelan Strategik UPM 2011-2013. Oleh itu, UPM terus membina kecemerlangan dan sekali gus melaksanakan pelbagai inisiatif penting pada 2014 terutamanya dalam membuat lonjakan global melalui pembangunan Pelan Strategik 2014-2020, iaitu pelan komprehensif untuk UPM menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa.

3. PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN

Pembentukan Strategi KPI Tahun 2014

Pembentukan 39 KPI UPM adalah hasil penilaian secara menyeluruh berdasarkan pencapaian prestasi UPM pada tahun 2013. Mengambil kira matlamat PG200, dan keperluan KPI Kementerian Pendidikan Malaysia, maka KPI UPM 2014 dihasilkan daripada 5 KPI khusus yang memfokuskan indikator *QS University Ranking*, 9 KPI KPM dan 25 Pelan Strategik UPM 2014-2020.

Mengekalkan strategi berkesan 2013, KPI yang dibangunkan oleh UPM telah menggunakan tujuh (7) teras utama perkhidmatan universiti berdasarkan portfolio setiap ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang meliputi akademik, penyelidikan dan inovasi, hal ehwal pelajar, jaringan industri dan masyarakat, sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan

perpustakaan. KPI tujuh (7) perkhidmatan ini telah diterjemahkan dalam 39 KPI yang dibentuk daripada tiga (3) komponen seperti yang dinyatakan di atas.

Bengkel Penilaian KPI 2014

KPI UPM diukur secara berkala pada setiap suku tahun, iaitu suku pertama (S1), suku kedua (S2), suku ketiga (S3) dan suku keempat (S4) mengikut jumlah KPI yang telah ditetapkan. Semua data KPI ini dianalisis dan dipantau melalui Sistem MyPutra Cockpit di bawah seliaan Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm). Sebanyak 27 KPI diukur pada S1, 33 KPI diukur pada S2, 27 KPI pada S3 dan keseluruhan 39 KPI diukur pada S4.

Prestasi suku pertama menunjukkan UPM hanya mencapai 79.6%, iaitu berada di tahap memuaskan. Oleh itu, Bengkel Penilaian KPI Suku Pertama telah mengambil langkah strategik untuk meningkatkan prestasi tersebut supaya pencapaian Suku Kedua, Suku Ketiga dan Suku Keempat menepati sasaran yang telah ditetapkan. Terdapat sepuluh tindakan pencegahan dan pembetulan untuk meningkatkan prestasi KPI UPM, iaitu :

- Mengkaji semula Pelan Promosi dan Pemasaran Universiti dengan melaksanakan projek yang lebih berimpak tinggi khususnya untuk menarik pelajar antarabangsa pada peringkat prasiswazah dan pascasiswazah
- Mempergiatkan usaha untuk meningkatkan aktiviti pertukaran pelajar sama ada program “outbound” ataupun “inbound”. Tindakan ini perlu dibuat dengan pendekatan jangka masa panjang yang bersifat taktikal bermula daripada tahun 1 pengajian dan pelaksanaannya pada tahun 2 & 3 (Rencana 1 menjelaskan komitmen UPM dalam program mobiliti pelajar sebagaimana diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan UPM melalui mesyuaratnya yang ke-523)
- Membuat tindakan susulan dan memperkemas inisiatif pengantarabangsaan program pengajian dengan lebih efektif
- Meneroka strategi baharu untuk mendapatkan geran antarabangsa dan industri. Sebuah *task force* dibentuk dan melihat semula strategi “visibility” serta bertindak secara “institutional”
- Memperkasa dan menggalakkan pengukuhan kumpulan penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan tahap Quartile 1 dan 2
- Menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi tawaran biasiswa kepada pelajar antarabangsa yang cemerlang
- Menjana kerjasama dengan lebih kukuh bersama alumni dan industri untuk meningkatkan endowmen atau biasiswa pelajar. Menggerakkan kerjasama kolektif dan agresif bersama Fakulti, Kolej dan entiti berkaitan bagi meningkatkan dana biasiswa dan seterusnya membangunkan modus operandi yang terbaik untuk tujuan tersebut

- Melipatgandakan usaha penjana pendapatan melalui pengurusan sumber dalaman yang efektif dan pelaburan hartanah yang bernilai tinggi
- Membangunkan model lantikan tenaga akademik antarabangsa yang kompetitif dan strategik mengikut keupayaan universiti
- Mengambil pendekatan proaktif terhadap cadangan projek atau inisiatif yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Putra Global yang memfokuskan program pengantarabangsaan universiti
- Pemantauan aktiviti pada peringkat Fakulti dan Institut secara konsisten melalui mekanisma yang cekap dan efektif

Berdasarkan usaha kolektif yang berteraskan sebelas tindakan pencegahan di atas, pelaksanaannya telah membuahkan hasil apabila prestasi suku kedua UPM telah meningkat kepada 89.9%, suku ketiga 94.8% dan suku keempat 96.6%.

Pencapaian KPI UPM Tahun 2014

Secara keseluruhannya, UPM berjaya memperoleh markah 96.6% pada 2014 berbanding dengan 92.02% pada 2013. Pencapaian ini adalah pencapaian prestasi terbaik UPM dalam tempoh tiga tahun pengukuran prestasi utama dilaksanakan.

Sebanyak 31 daripada 39 KPI berjaya melepasi sasaran yang telah ditetapkan. Hanya 1 KPI sahaja berada di bawah prestasi 74% dan 7 KPI lain berada di dalam zon kuning dengan prestasi antara 99% hingga 75%. 31 KPI yang menunjukkan pencapaian cemerlang adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Rajah 1 pula memaparkan pemberat dan kekerapan pengukuran.

Jadual 1 : KPI yang Menunjukkan Pencapaian Cemerlang

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
1.	Akademik dan Antarabangsa Bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa	3185	3726	4158
2.	Bilangan kolaborasi perkongsian program dengan universiti antarabangsa	6	10	15
3.	Bilangan program Accelerated Bachelor-Master Degree (ABMD) yang ditawarkan dan program degree++ prasiswa	0	2	5

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014	
4.	Bilangan program yang mendapat akreditasi antarabangsa	21	27	27	
5.	Bilangan pelajar antarabangsa mengikuti program <i>inbound</i> di UPM	405	450	1143	
6.	Bilangan pelajar UPM mengikuti program <i>outbound</i> di luar negara	303	350	717	
7.	Bilangan pelajar dengan pendapatan keluarga pada bawah 40% (yang memenuhi kelayakan kemasukan minimum) dalam jarak 40km radius.	63	100	256	
8.	Penyelidikan dan Inovasi	Bilangan harta intelek yang dikomersilkan	+11	+10	+13
9.	Penjanaan Pendapatan :	PENCAPAIAN 2010-2012 (avg)			
	a) Jumlah nilai geran penyelidikan i. Awam	RM50 juta	RM52 juta	RM 60 juta	
	c) Sumber-sumber lain (perkhidmatan makmal, inisiatif EduPark dsb)	RM 1.5 juta	RM 2.0 juta	RM 3.6 juta	
10.	Bilangan inovasi berasaskan pertanian yang dikomersilkan (kumulatif)	36	41	60	
11.	Bilangan jurnal UPM yang diindeks dalam pangkalan data SCOPUS/ ISI	3	5	5	
12.	Impak daripada harta intelek	RM 0.5 juta	RM 1.0 juta	RM 2.5 juta	
13.	Inovasi (Paten yang difailkan, hak cipta, cap dagang, etc.)	169	150	165	
14.	Hal Ehwal Pelajar	Kebolehpasaran Graduan	Kajian Tracer: 77.2% Kajian susulan : 86.1%	80%	82.2%

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
15.	Kepimpinan pelajar (Pengukuran untuk keseluruhan pelajar)	85%	86%	86.52%
16.	Peratus pelajar melibatkan diri dalam aktiviti yang bertunjangkan aspek jati diri	n/a	10%	25%
17.	Bilangan usahawan pelajar yang berjaya menubuhkan syarikat yang mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	n/a	50 syarikat	50 syarikat
18.	Bilangan pelajar prasiswazah yang mendapat penajaan <ul style="list-style-type: none"> • Endowmen/biasiswa dalaman • Biasiswa Luar UPM 	NEW KPI	30	40
19.	Bilangan kolej bertaraf 5 bintang		2	3 (64 bilik)
20.	Jaringan Industri dan Masyarakat <p>Jaringan Industri dan Komuniti</p> <p>i) Bilangan Jaringan Industri</p> <p>ii) Bilangan jaringan Industri berimpak tinggi (5 bintang)</p> <p>iii) Bilangan Jaringan Komuniti</p> <p>iv) Projek Komuniti berimpak tinggi (4-5 bintang).</p>	2487	2000	3,115
			1800	2,698
			70	17
		59	200	417
			10	33
21.	Bilangan Geran Penyelidikan dan Pengembangan berkaitan JINM		40 (Geran)	92

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
22.	Memasyarakatkan kepakaran Universiti melalui JINM i. Bilangan staf terlibat dengan industri (3-5 bintang); dan ii. Bilangan staf terlibat dengan komuniti (2-5 bintang)	587	450 (staf) 290 (Staf) 32 (Staf)	1,311 439 872
23.	Bilangan Program Angkat		16 (fakulti)	34
24.	Bilangan program JINM UPM di arena antarabangsa		8	18
25.	Penjanaan Pendapatan (i + ii) i. Jumlah sumbangan kewangan atau nilai yang setara (in-kind) ii. Jumlah pendapatan untuk Tabung Amanah untuk aktiviti JINM	RM52.8 juta	RM 40 juta RM39.5 juta RM 0.5 juta	RM48.28 juta RM48.1 juta RM0.18 juta
26.	Sumber Manusia Peratus staf akademik dengan kelayakan PhD: a) Staf akademik b) Staf akademik & penyelidik	83.56% 82.85%	85% 83%	86.32% 85.80%
27.	Keberkesanan Sumber Manusia : i. Nisbah staf dan pelajar iii. Nisbah staf akademik dan staf bukan akademik iv. % staf bukan akademik dalam latihan v. % Mobiliti staf bukan akademik (outbound)	1:17 1:3 88.53% 0.8%	1:10 1:3 80% 10%	1:10.8 1:2.54 86.53% 13.08%
28.	Bilangan inovasi dalam perkhidmatan	-	4	11
29.	Pengurusan Perpustakaan Pertambahan kandungan digital dalam portal UPMIR	34.62%	4000	5312

Bil.	KPI	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
30.	% pertambahan rekod pertanian Malaysia dalam pangkalan data Agris		5%	8.58%
31.	% pelajar mencapai markah >80% dalam post test program literasi maklumat		70%	97.76%

Analisis pencapaian juga dibuat mengikut setiap portfolio JPU, di mana prestasi 2014 menunjukkan empat (4) portfolio telah meningkat prestasinya antara 9.3% hingga 26.3% berbanding dengan tahun 2013 dan portfolio tersebut ialah Akademik, Penyelidikan dan Inovasi, Sumber Manusia dan Hal Ehwal Pelajar. Perbandingan pencapaian bagi setiap portfolio tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah seperti dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2 : Perbandingan Pencapaian Bagi Setiap Portfolio

Portfolio	Peratus Pencapaian		
	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014
Akademik	96.29	86.68	96
Penyelidikan dan Inovasi	86.38	85.30	98.7
Hal Ehwal Pelajar	98.28	100	100
Jaringan Industri dan Masyarakat	97.38	99.82	96
Sumber Manusia	88.93	72.34	98.7
Pengurusan Kewangan	100	100	87.5
Pengurusan Perpustakaan	96.29	100	99.6

Rajah 1 : Pemberat dan Kekekapan Pengukuran KPI

PEMBERAT DAN KEKERAPAN PENGUKURAN KPI 2014

